



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; BANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“BANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا ^ط وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ ^ج وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	5
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.</p>	6
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “BANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA”.</p>	6



Secara umumnya, istilah keganasan terhadap wanita merujuk kepada perbuatan kekerasan yang dilakukan secara sengaja atau dirancang terhadap wanita. Perbuatan ini tidak hanya melanggar hak asasi manusia, malah ia adalah satu bentuk kezaliman yang terang-terangan diharamkan oleh syariat Islam. Tindakan seperti ini bukan sahaja menzalimi jasad wanita, tetapi turut menjejaskan emosi dan melumpuhkan maruah mereka sebagai insan yang Allah SWT muliakan.

7

Islam dengan tegas mencela dan mengutuk sebarang bentuk kekerasan terhadap wanita sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 19 yang telah dibacakan di awal khutbah bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)."

8

Ayat ini jelas melarang segala bentuk keganasan dan penindasan terhadap golongan wanita yang boleh mencemarkan kesucian rumah tangga, meruntuhkan institusi keluarga, dan mencetuskan kerosakan dalam masyarakat. Rasulullah SAW sendiri telah memberikan contoh yang terbaik dalam memperlakukan wanita dengan penuh kasih sayang dan lemah lembut.

9



Hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

10

"Sebaik-baik kamu adalah yang terbaik terhadap keluarganya dan aku adalah yang terbaik terhadap keluargaku."

(Riwayat al-Tirmizi).

Fenomena keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan semakin kerap kita dengari, baik melalui laporan akhbar mahupun di media sosial. Lebih menyedihkan, kejadian-kejadian ini bukanlah isu baru.

11

Di negara kita, statistik keganasan rumah tangga yang dilaporkan sepanjang empat tahun lalu amat membimbangkan. Sebanyak 18,433 kes dicatatkan berpunca daripada kecurangan, masalah kewangan dan sikap panas baran. Lebih menyayat hati, jenayah seksual termasuk rogol dan gangguan seksual mencatatkan sebanyak 23,366 kes seperti yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Apa yang lebih memilukan, jenayah ini turut melibatkan remaja dan kanak-kanak di bawah umur.

12

Angka-angka ini bukan sekadar statistik, ia adalah cerminan nyata kezaliman yang telah mencabuli hak golongan wanita dan kanak-kanak. Mereka yang sepatutnya dilindungi dan disayangi, kini menjadi mangsa keganasan yang diragut kehormatan dan hak mereka.

13



Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Ya Allah, sesungguhnya aku menganggap berat (dosa penindasan hak dua kaum yang lemah iaitu anak yatim dan wanita."

(Riwayat Ahmad).

14

Dalam konteks negara kita, undang-undang telah digubal untuk melindungi hak dan keselamatan wanita serta kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan. Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), perlindungan diberikan kepada mangsa daripada pelbagai bentuk penderaan termasuk kecederaan fizikal, paksaan atau ugutan berbentuk seksual, melakukan perbuatan khianat atau tindakan yang menimbulkan kegusaran kepada mangsa.

15

Selain itu, Kanun Keseksaan (Akta 574) telah memperuntukkan hukuman terhadap jenayah rogol, pencabulan kehormatan wanita, serangan fizikal serta perbuatan yang bertujuan mengaibkan kehormatan seseorang. Bahkan, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan Akta Antigangguan Seksual 2022 telah digubal untuk melindungi golongan rentan khususnya kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

16

Namun begitu, kita sebagai umat Islam tidak wajar bergantung sepenuhnya kepada undang-undang sahaja. Islam terlebih dahulu mengajar kita untuk menghormati, melindungi, dan memuliakan wanita serta kanak-kanak sebagai tanda keimanan kita kepada Allah SWT. Malah kedatangan Islam telah membawa rahmat kepada seluruh alam dengan meletakkan penjagaan maruah, nyawa, dan akal manusia sebagai antara lima prinsip utama dalam maqasid syariah. Tindakan ganas terhadap wanita jelas bercanggah dengan kepentingan menjaga maruah dan nyawa yang menjadi tunjang syariat Islam.

17



Oleh yang demikian itu, mimbar menyeru umat Islam agar memikul tanggungjawab dengan penuh kesungguhan dalam menjaga ketetapan syariat dan merealisasikan Maqasid Syariah. Sesungguhnya, perlindungan terhadap wanita dan kanak-kanak, baik dari segi fizikal mahupun spiritual adalah amanah besar yang wajib dipelihara.

18

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil iktibar dengan memahami, mengingati dan mengamalkan beberapa pengajaran berikut dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam melarang sebarang bentuk kekerasan atau keganasan terhadap wanita mahupun kanak-kanak kerana ia bercanggah dengan prinsip kemuliaan manusia (karamah insaniah) dan amanah dalam hubungan kekeluargaan.

19

2. Umat Islam hendaklah melayani golongan wanita dan kanak-kanak dengan penuh hikmah dan kasih sayang sebagaimana dilakukan oleh Rasulullah SAW terhadap ahli keluarga baginda.

3. Umat Islam hendaklah mengambil langkah proaktif dalam melindungi golongan wanita dan kanak-kanak daripada sebarang ancaman atau keganasan selaras dengan nilai-nilai Islam yang menuntut keadilan dan kesejahteraan umat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

20



"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

21

(Surah al-Tahrim: 6)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>Ya Allah! Bukankanlah pintu hati umat Islam khususnya di Negeri Selangor untuk menunaikan zakat dengan penuh keikhlasan. Limpahkanlah keberkatan kepada mereka yang melaksanakan kewajipan zakat pada harta, pendapatan, dan keluarga mereka. Jauhkanlah mereka dari segala musibah dan kesulitan dan jadikanlah zakat sebagai salah satu jalan mereka meraih rahmat-Mu dan balasan syurga yang abadi di akhirat kelak.</p>	
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15



*Khutbah Jumaat 27 Disember 2024M / 25Jumadal Akhirah 1446H: "Banteras Keganasan Terhadap Wanita"
Jabatan Agama Islam Selangor*